



## SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

---

### JEJAK INOVASI SOSIAL: MEMACU INOVASI SOSIAL AKAR UMBI SECARA LEBIH TERSUSUN, DINAMIK DAN INKLUSIF

---

**PETRA JAYA, 7 SEPTEMBER 2025** – Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), sebuah yayasan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah diberi mandat sebagai Agensi Pelaksana Inisiatif Inovasi Sosial Malaysia (MyIS) sejak tahun 2022. Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui aplikasi teknologi dan inovasi tempatan yang dibangunkan serta boleh dilaksanakan secara mampan dan inklusif di seluruh negara. MyIS juga digerakkan selaras dengan pelaksanaan Dasar Inovasi Sosial (DIS) 2025–2030 yang telah dilancarkan pada tahun 2024, yang berhasrat untuk menyokong penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran sosial melalui penglibatan aktif masyarakat.

Program Jejak Inovasi atau ringkasnya JI, merupakan antara program utama di bawah MyIS, yang diinspirasikan daripada program Shodhyatra di India, yang merupakan satu perjalanan ilmiah dan sosial sejauh 240 kilometer dari kampung ke kampung bagi menjelaki inovasi rakyat. Program tersebut dianjurkan secara dwitahunan oleh *Society for Research and Initiatives for Sustainable Technologies and Institutions (SRISTI)* dan *National Innovation Foundation (NIF) of India*, serta disertai oleh penyelidik, saintis, pencipta, serta pelajar universiti.

Memasuki tahun 2025, program ini dijenamakan semula sebagai Jejak Inovasi Sosial dengan pendekatan yang lebih strategik dan tersusun berasaskan metodologi 4D – *Discover, Develop, Disseminate & Diffuse* yang memberi tumpuan kepada:

- Penemuan penyelesaian akar umbi oleh komuniti (*community-driven, bottom-up*);
- Pembangunan penyelesaian berimpak tinggi dan kos efektif;
- Penyebaran pengetahuan secara meluas;
- Serta peluasan penggunaan inovasi berdasarkan *Local Issue, Local Technology*,

*Local Benefit.*

JIS turut diperkuuhkan melalui pelbagai program sokongan seperti:

- MyIS Komuniti
- MyIS Akar Umbi
- *Youth Innovative Challenge (YIC)*
- *Innovation Catalyst (ICATs)*

Pendekatan holistik ini membolehkan masyarakat menyelami dan menilai secara menyeluruh pelbagai isu sosial, ekonomi dan alam sekitar, seterusnya memupuk lebih ramai belia inovator sosial dan penghasilan produk inovasi rakyat yang berdaya saing.

### **Lokasi Pelaksanaan Jejak Inovasi Sosial 2025**

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan di peringkat zon, Jejak Inovasi Sosial 2025 telah berlangsung di beberapa lokasi utama seluruh negara, termasuk:

- Zon Tengah (10 Julai 2025) - Klang, Selangor
- Zon Selatan (16 Julai 2025) - Melaka
- Zon Pantai Timur (28 Julai 2025) - Kuala Terengganu, Terengganu
- Zon Utara (18 Ogos 2025) - Al-Bukhary International University (AIU), Kedah
- Zon Sabah (23 Ogos 2025) - Kalabakan & Kota Kinabalu, Sabah
- Zon Sarawak (7 September 2025) - Petra Jaya, Kuching, Sarawak

Pelaksanaan JIS di Zon Sarawak, khususnya di kawasan Petra Jaya, memberi tumpuan kepada penjejakan inovasi akar umbi yang dapat menangani isu setempat seperti akses ekonomi, kelestarian sumber, pendidikan luar bandar dan jaringan sosial dalam komuniti.

Program ini turut membuka ruang kepada penyelidik, inovator tempatan, belia, serta pelbagai pihak berkepentingan untuk berganding bahu membangunkan ekosistem inovasi sosial yang lestari dan inklusif.

**#TAMAT**

### **Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berdasarkan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di [www.yim.my](http://www.yim.my)

### **Hubungi:**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)  
Nur Aneita Abdullah Pandian  
+6019-2294732  
aneita@yim.my